

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Terhadap Tindakan Barat

- 1 Apakah aspek yang dijadikan panduan untuk membuat garisan sempadan dalam Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909?

MS Tekst
200

- | | |
|------------|--------------|
| I Legeh | III Gunung |
| II Sungai | IV Tanjung |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 2 Wilayah yang manakah akan dimiliki oleh Siam mengikut Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909?

MS Tekst
200

- | | |
|------------------|-----------------|
| A Pulau Langkawi | C Pulau Terutau |
| B Pulau Pangkor | D Pulau Indah |

- 3 Pernyataan yang berikut berkaitan kata-kata yang dititahkan oleh Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah ekoran Perjanjian Bangkok 1909.

MS Tekst
201

"Beta tidak akan memaafkan pihak yang menjual negeri Kedah seperti menjual seekor kerbau."

Mengapakah baginda mengeluarkan kata-kata sedemikian?

- | | |
|---------------------------|--------------|
| I Tidak dibayar pampasan | C II dan III |
| II Tidak diajak berunding | D III dan IV |
| III Kehilangan wilayah | |
| IV Ketiadaan wakil | |
| A I dan II | |
| B I dan IV | |

- 4 Apakah reaksi pemerintah Terengganu terhadap Perjanjian Bangkok 1909?

MS Tekst
202

- | |
|-------------------------------|
| A Membuat rombongan ke London |
| B Membuat persidangan raja |
| C Menubuhkan pertubuhan |
| D Mengemukakan bantahan |

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan penanaman yang diperkenalkan oleh pemerintah Johor.

MS Tekst
203

Sistem Kangcu

Apakah jenis tanaman yang berkaitan dengan sistem tersebut?

- | | |
|-----------------|--------------|
| I Sagu | C II dan III |
| II Gambir | D III dan IV |
| III Lada hitam | |
| IV Kelapa sawit | |
| A I dan II | |
| B I dan IV | |

8.2 Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

- 6 Apakah isu yang telah dibincangkan dalam persidangan Durbar di Kuala Lumpur pada tahun 1903?

MS Tekst
204

- | |
|---------------------------------|
| I Pendidikan wanita |
| II Kemasukan buruh luar |
| III Penggunaan bahasa Melayu |
| IV Pengkritikan pemusatan kuasa |
| A I dan II |
| B I dan IV |
| C II dan III |
| D III dan IV |

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan pemerintah Johor, Sultan Abu Bakar.

MS Tekst
205

- Hubungan baik dengan Negeri-negeri Selat
- Kunjungan ke England

Apakah kesan kepada negeri akibat tindakan pemerintah tersebut?

- | |
|---------------------------------|
| A Menguasai semula Melaka |
| B Mengusir ancaman Belanda |
| C Mengekalkan kedaulatan negeri |
| D Meningkatkan pelaburan negeri |

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian yang telah ditandatangani antara pihak British dengan Perlis.

MS Tekst
206

Perjanjian 28 April 1930

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- | |
|---------------------------------|
| A Penetapan sempadan baharu |
| B Penerimaan naungan British |
| C Pelantikan Penasihat British |
| D Pemulangan semula kepada Siam |

- 9 Apakah persamaan yang wujud antara negeri-negeri berikut dalam usaha menghadapi ancaman Barat?

MS Tekst
208 - 209

- Johor
- Terengganu

- Menggubal perlembagaan negeri
 - Membuat tindakan mahkamah
 - Meminda perjanjian British
 - Menggunakan diplomasi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 10 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan pemodenan yang dilakukan di negeri Terengganu.

MS Tekst
211

Antara jabatan yang ditubuhkan ialah Pejabat Setiausaha kerajaan, Pejabat Perbendaharaan dan Pejabat Pesuruhjaya Keadilan

- Apakah kesan penubuhan jabatan-jabatan tersebut?
- A Kemasukan ramai pegawai Barat
B Kedaulatan negeri terjaga
C Kemerdekaan dipercepat
D Kuasa raja berkurang

8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh-tokoh yang memainkan peranan penting di Larut pada abad ke-19.

MS Tekst
212

- Long Jaafar
- Ngah Ibrahim

- Apakah sumbangan tokoh-tokoh tersebut?
- A Mengetuai penentangan British
B Memperkenalkan sistem cukai
C Membangunkan daerah
D Mengetuai jabatan

- 12 Mengapakah sumbangan Perdana Menteri Kedah, Wan Muhammad Saman dianggap penting?

MS Tekst
213

- A Kemajuan ekonomi negeri
B Melaksanakan birokrasi Barat
C Keselamatan negeri dipertingkatkan
D Menangkis campur tangan British

- 13 Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pembesar berikut dalam menjaga kedaulatan negeri Johor?

MS Tekst
214

Dato' Jaafar bin Muhammad

- Menubuhkan Jabatan Pelajaran
 - Menjaga hubungan luar negeri Johor
 - Mewajibkan pemakaian baju rasmi Johor
 - Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Apakah persamaan antara kedua-dua tokoh berikut?

MS Tekst
215

- Dato' Abdullah Haji Dahan, Undang Luak Rembau ke-18
- Raja Chulan, Raja Di Hilir Perak

- A Bersuara demi rakyat
B Berpendidikan Inggeris
C Diberikan anugerah tinggi
D Mendapat sokongan ramai

- 15 Pernyataan berikut berkaitan dengan tokoh di negeri Sabah.

MS Tekst
215

Orang Kaya-kaya Haji Mohammad Arshad menjalankan pelbagai peranan dalam membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran peringkat daerah.

- Apakah impak daripada kepimpinan tokoh tersebut?
- A Pemodenan negeri dapat dilakukan
B Membawa kesejahteraan masyarakat
C Penggunaan bahasa Melayu berkembang
D Tahap pendidikan masyarakat meningkat

8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

- 16 Pemodenan pentadbiran dan ekonomi yang dijalankan di Johor telah membawa kepada

MS Tekst
216

- A penggubalan undang-undang
B peningkatan pelaburan asing
C pengukuhan hubungan luar
D perkembangan pendidikan

17 Bagaimanakah British dapat meluaskan pengaruhnya dengan menempatkan Penasihat Am British di Johor pada 1914?

MS Tekst
217

- A Mendesak menandatangani perjanjian
- B Memansuhkan perlembagaan negeri
- C Memberikan bayaran pampasan
- D Membuat serangan fizikal

18 Maklumat berikut berkaitan perkembangan penting dalam sistem pendidikan di negeri-negeri Melayu.

MS Tekst
218

Pembinaan sekolah perempuan

Apakah faktor perkembangan tersebut?

- A Galakan British
- B Permintaan masyarakat
- C Desakan Raja-raja Melayu
- D Gesaan pembesar tempatan

19 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di negeri-negeri Melayu.

MS Tekst
218

KBAT

Rejimen Askar Melayu Diraja

Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada kejayaan penubuhan rejimen tersebut?

- I Keprihatinan tinggi British
 - II Kejayaan pakatan Raja-raja Melayu
 - III Tanggungjawab anak watan dalam keselamatan negara
 - IV Penyelesaian masalah kekurangan pasukan tentera British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Mengapakah kita harus mempertahankan institusi beraja di negara kita sehingga kini?

MS Tekst
219

KBAT

- I Simbol kedaulatan negeri
 - II Tuntutan Raja-raja Melayu
 - III Gesaan daripada Ratu England
 - IV Kesenambungan warisan bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

